

Pupuk budaya tidak memilih kerja

APABILA terbaca berita tentang keputusan lima orang pemuda lulusan sarjana dan doktor falsafah (PhD) yang sanggup menjadi rekrut konstabel di Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bakri di Muar semalam, banyak perkara yang bermain di fikiran.

Pertama, kesanggupan mereka bekerja dengan pangkat biasa. Kedua, minat mereka yang luar biasa. Ketiga, kesediaan mereka menerima arahan daripada individu yang berkelulusan lebih rendah daripada mereka sendiri dan keempat, tidak mempersoalkan tentang gaji yang diterima. Apakah yang boleh dipelajari daripada sikap mereka ini?

Kes ini sebenarnya boleh memberi banyak moral untuk direnungi bersama bagi mereka yang mahu berfikir. Antara moral utama yang boleh difikirkan adalah sikap sesetengah anak muda yang sanggup menganggur walaupun peluang pekerjaan di negara ini masih luas. Berbanding di negara jiran, rakyatnya berpusu-pusu cuba mencari lombong emas di negara ini, sebaliknya, rakyat negara ini lebih leka dengan imaginasi sendiri ibarat Mat Jenin yang bera-

ngan-angan tanpa usaha. Tidakkah mereka sedar dengan menganggur boleh menyebabkan negara dibanjiri pendatang asing yang memberi pelbagai impak kepada negara?

Laporan Parlimen Kesebelas sendiri membincangkan dengan serius tentang gejala pekerja asing yang semakin hari semakin meningkat di negara ini.

Dalam masa yang sama, bilangan pengangguran juga dikatakan mencecah 60,000 orang, yang merangkumi pelbagai tingkat kelulusan. Di peringkat ijazah pertama sahaja, jumlah penganggur dikatakan mencapai bilangan 20,000 orang.

● Lebih 20 lulusan tinggi ikuti latihan asas konstabel - Muka 15

Menurut laporan itu, beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada masalah pengangguran. Antaranya adalah pekerja tempatan mempunyai sikap memilih kerja yang lebih cenderung memilih pekerjaan kolar putih serta yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Kedua, tawaran gaji yang rendah telah menyebabkan pekerja tempatan tidak begitu berminat untuk be-

kerja di sektor tersebut.

Khusus kepada perbincangan ini, keputusan 'konstabel luar biasa' ini nampaknya tidak langsung tergugat dengan permasalahan yang menjadi 'alasan' bagi kebanyakan penganggur berijazah.

Menjawat pekerjaan kolar putih dan gaji lumayan bukanlah matlamat utama yang mengatasi minat dan keinginan berbakti kepada bangsa dan negara. Mungkin tidak keterlaluan dikatakan bahawa golongan ini adalah golongan pelapis PDRM yang suatu hari nanti mampu membawa paradigma baru dengan anjakan luar biasa kepada dunia kepolisan negara ini.

Manakan tidak, dengan pengetahuan yang ada, ditambah lagi dengan amalan kerja yang bermula dari bawah memberi kelebihan yang jelas kepada golongan ini untuk memahami simpang-siur bidang ini dan menyita ketirisan yang mungkin wujud sebelum ini.

Keputusan luar biasa ini pastinya lahir daripada individu yang mempunyai kekuatan dalaman yang tinggi.

Hakikatnya, bukan mudah untuk seseorang itu mencapai kelulusan akade-

mik tertinggi iaitu PhD. Malah, ada di antara kami para akademia sendiri mengakui bahawa PhD adalah seerti dengan frasa 'permanent head damage'!

Dengan kepayahan yang telah diharungi, kesediaan mereka untuk berkhidmat sebagai anggota polis dan bermula dari bawah amatlah sesuatu yang luar biasa. Malah, dengan kelulusan sarjana sekalipun belum tentu ada yang sudi menjadi konstabel biasa!

Tahniah kepada belia hari ini yang nampaknya semakin matang berfikir, dan bijak mengatur hidup.

Jika mat rempit kini ada yang menerima anugerah kerana keberanian membuat terjunan di Kutub Utara, suatu hari nanti kita akan berbangga dengan pasukan polis Malaysia yang bukan hanya segar, tetapi mampu menjalankan tugas dengan cemerlang hasil integrasi murni teori dan praktis yang seimbang. Pasukan yang luar biasa, pasti membuahkan hasil yang luar biasa!

- SITI SURIANI OTHMAN,
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM),
Nilai, Negeri Sembilan.